

Headline	Najib diminta berundur		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	12 May 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	327 cm ²
Journalist	RAIHAM MOHD SANUSI	AdValue	RM 2,291
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,872



Najib diminta berundur

Rakyat bukan tolak Umno tetapi menolak kepimpinannya

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak diminta berundur dari menerajui kepimpinan parti keramat itu ekoran kekalahan teruk pada PRU14 hingga BN hilang tampuk pentadbiran kuasa negara.

Naib Ketua Umno Bahagian Kemaman, Datuk Wan Ahmad Nizam Wan Abdul Hamid berkata, kekalahan itu berpunca daripada penolakan rakyat terhadap kepimpinan Umno.

"Saya berpendapat kita kalah dalam PRU14 bukan kerana rakyat menolak parti kita.

"Rakyat sebetulnya menolak kepimpinan kita. Oleh itu saya cadangkan Najib berundur daripada menerajui kepimpinan Umno ini,"

katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bekas Adun Air Putih itu berkata, Umno tidak ditolak rakyat kerana sehingga sekarang parti yang menyambut ulang tahun penubuhan ke-72 semalam itu telah mencapai banyak kejayaan membanggakan

dan berada pada tahap lebih baik berbanding sebelumnya.

Penolakan rakyat terhadap kepimpinan Umno yang menunjangi BN pada PRU14, Rabu lalu itu mencetuskan tsunami yang menggegarkan negara apabila BN berkuasa sejak 61 tahun lalu akhirnya diambil alih Pakatan Harapan.

Kekalahan teruk Umno dan BN juga berlaku di P040 Parlimen Kemaman selepas empat daripada lima kerusinya dibolot Pas iaitu kerusi Parlimen Kemaman, Dun Kemasik, Air Putih dan Cukai.

Hanya kerusi Dun Kijal berjaya dipertahankan Umno dan BN yang diwakili calonnya yang juga mantan Menteri Besar merangkap Ketua Umno Bahagian Kemaman, Datuk Seri Ahmad Said.

Begitu pun, majoriti kemenangan yang diperoleh Ahmad cuma 1,265 undi, merosot teruk berbanding PRU13 lalu yang menyaksikan beliau menang selesa dengan majoriti 4,204 undi.

Turut tewas bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang juga penyandang kerusi Parlimen Kemaman selama tiga penggal berturut-turut dari tahun 2004.

Ahli Majlis Tertinggi Umno merangkap Timbalan Ketua Umno Bahagian Kemaman itu cuma mendapat sebanyak 37,715 undi berbanding calon Pas, Che Alias Hamid yang memperoleh 39,878 undi manakala calon PKR, Mohd Huzaifah Md Suhaimi meraih 12,911 undi.



Hanya Dun Kijal yang diwakili calonnya, Ahmad Said berjaya dikekalkan BN di Kemaman

Headline	Najib diminta berundur		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	12 May 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	327 cm ²
Journalist	RAIHAM MOHD SANUSI	AdValue	RM 2,291
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,872



Wan Ahmad Nizam (depan; empat, kanan) mengiringi barisan calon BN P040 Parlimen Kemaman pada hari penamaan calon PRU14, 28 April lalu.